

Semarakkan penghayatan Rukun Negara erat perpaduan rakyat

BH - 10/7/2020 m/s: 2

5 prinsip jadi falsafah negara perlu sentiasa diamalkan masyarakat

Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu pendidikan Rukun Negara dijadikan agenda teras kerajaan, demi mengeratkan perpaduan dalam kalangan rakyat majmuk negara ini.

Perdana Menteri berkata, untuk itu, prinsip dalam Rukun Negara, perlu sentiasa diamalkan masyarakat negara ini, seterusnya diwarisi daripada generasi ke generasi.

“Kementerian Perpaduan Negara serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia, boleh menerajui pelaksanaan agenda itu menerusi pelbagai program, inisiatif dan aktiviti.

“Usaha bersungguh-sungguh digembleng semua pihak di bawah kementerian dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan, swasta serta masyarakat sivil, akan menyemarakkan penghayatan prinsip dan nilai Rukun Negara demi mengeratkan perpaduan,” katanya.

Muhyiddin berkata demikian ketika beliau melancarkan Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Rukun Negara di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah

Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, dengan matlamat membina perpaduan lebih erat dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini, selepas tragedi 13 Mei 1969.

Ia mengandungi lima prinsip yang menjadi falsafah negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusilaan.

Muhyiddin berkata, perpaduan rakyat amat penting lebih-lebih lagi ketika negara berhadapan dengan krisis.

Katanya, semangat perpaduan ditunjukkan seluruh rakyat Malaysia dalam menghadapi COVID-19, membolehkan kerajaan mengurus wabak itu dengan berkesan hingga dikatakan antara yang terbaik di dunia.

“Rakyat negara ini tanpa mengira perbezaan kaum, warna kulit dan status sosial, saling bantu-membantu dan melindungi antara satu sama lain, sehingga negara berjaya mengatasi krisis ini.

“Jika semangat perpaduan dan saling bantu-membantu itu diteruskan pada masa-masa akan datang, saya yakin kita akan berjaya mengatasi apa sahaja cabaran yang menduga pada masa depan,” katanya.

Beliau berkata, perbezaan ras dan warna kulit tidak menghalang rakyat Malaysia bersatu hati sebagai satu bangsa yang mempunyai nilai sama, berpegang kepada prinsip kenegaraan yang sama dan berbangga menjadi warga sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni.



Muhyiddin mencuba mesin taip ketika melawat galeri Rukun Negara selepas melancarkan Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Rukun Negara di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut sama, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah (dua dari kanan); Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Suhaimi Sulaiman (dua dari kiri) dan Ketua Pengarang BERNAMA, Datuk Mokhtar Hussain (kiri). (Foto BERNAMA)

Jika semangat perpaduan dan saling bantu-membantu itu diteruskan pada masa-masa akan datang, saya yakin kita akan berjaya mengatasi apa sahaja cabaran yang menduga pada masa depan.

Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri

“Kita sedar proses pembinaan negara bangsa yang bersatu padu, lebih-lebih lagi dalam negara majmuk seperti Malaysia bukanlah mudah. Jalan ditempuh untuk sampai di tempat kita berada sekarang agak mencabar. Banyak ranjau dan duri kita tempuh. Banyak liku dan lurah yang kita lalui.

“Alhamdulillah, berkat kebijaksanaan dan kecekalan rakyat yang terdiri daripada semua kaum di negara ini, kita berjaya mengatasi segala halangan dengan mengetepikan perbezaan dan persengketaan yang wujud dalam masyarakat,” katanya.

Muhyiddin berkata, rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik dan cintakan negara, perlu sentiasa menjunjung prinsip Rukun Negara yang diperkenalkan sejak di bangku sekolah lagi, bukan sahaja sentiasa disebut, malah sehati dalam jiwa sanubari.

Katanya, kelima-lima prinsip itu sering tercatat di dalam buku latihan, papan tanda, dinding sekolah serta tempat yang mudah dibaca untuk diketahui dan diingati.

“Sebenarnya bukanlah sukar untuk menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara, asalkan kita mempunyai kesedaran untuk sentiasa mengeratkan perpaduan dan memelihara keharmonian melalui prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara,” katanya.

Ibadat & Fadilat

Nabi Muhammad SAW bersabda: “Setiap dua orang Islam yang berjumpa serta bersalaman pasti akan diampunkan dosa keduanya sebelum mereka berpisah.” (HR Abu Daud)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:55	1:26	4:51	7:40	8:55
Alor Setar	5:55	1:26	4:51	7:39	8:55
P. Pinang	5:58	1:26	4:51	7:38	8:53
Ipoh	5:57	1:24	4:49	7:34	8:49
Kuala Lumpur	5:57	1:21	4:46	7:30	8:45
Shah Alam	5:57	1:21	4:46	7:30	8:45
Johor Bahru	5:50	1:13	4:37	7:18	8:33
Kuantan	5:50	1:16	4:41	7:23	8:38
Seremban	5:55	1:20	4:44	7:26	8:41
Bandar Melaka	5:56	1:19	4:44	7:25	8:40
Kota Bharu	5:49	1:19	4:44	7:31	8:42
K. Terengganu	5:46	1:15	4:40	7:26	8:41
Kota Kinabalu	4:55	12:23	3:48	6:35	7:51
Kuching	5:25	12:48	4:12	6:53	8:08



Pasangan kembar, Aimi Farhanis Suhaimi, 14, dan Aimi Farhani (kanan) menunjukkan logo sempena sambutan Ulang Tahun Ke-50 Rukun Negara yang dilancarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Tugu Negara, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)